

menginginkan yang tidak mempunyai kekekuatan senjatalah yang untukmu, (hingga ke akhir ayat).²² الحد الشوكة bererti (kekuatan).

٣٩٥١ - حَدَّثَنِي يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ عُقَيْلٍ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ كَعْبٍ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ كَعْبٍ قَالَ سَمِعْتُ كَعْبَ بْنَ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ لَمْ أَتَخَلَّفْ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي غَزْوَةٍ غَزَاهَا إِلَّا فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ غَيْرَ أَنِّي تَخَلَّفْتُ عَنْ غَزْوَةِ بَدْرٍ وَلَمْ يُعَاتَبْ أَحَدٌ تَخَلَّفَ عَنْهَا إِنَّمَا خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُرِيدُ عِيرَ فُرَيْشٍ حَتَّى جَمَعَ اللَّهُ بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ عَدُوِّهِمْ عَلَى غَيْرِ مِيعَادٍ

3951- Yahya bin Bukair meriwayatkan kepadaku, katanya: al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada 'Uqail daripada Ibni Syihaab daripada 'Abdir Rahman bin 'Abdillah bin Ka'ab, bahawa kata 'Abdullah bin Ka'ab: Aku telah mendengar Ka'ab bin Malik bercerita, katanya: "Aku tidak pernah ketinggalan (tidak ikut serta) dalam mana-mana peperangan yang disertai Nabi s.a.w. selain peperangan Tabuk, meskipun aku juga tidak ikut serta dalam peperangan Badar.²³ Tiada siapa pun dicela kerana tidak ikut serta dalam

²² Firman Allah ini selengkapnya adalah seperti di bawah ini:

وَإِذْ يَعِدُكُمُ اللَّهُ إِحْدَى الطَّائِفَتَيْنِ أَنَّهَا لَكُمْ وَتَوَدُّوْنَ أَنَّ غَيْرَ ذَاتِ الشَّوْكَةِ تَكُونُ لَكُمْ وَيُرِيدُ اللَّهُ أَن يُحَقِّقَ الْحَقَّ بِكَلِمَاتِهِ وَيَقْطَعَ دَابِرَ الْكَافِرِينَ ﴿٧﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah), ketika Allah menjanjikan kepadamu salah satu dari dua golongan (yang kamu hadapi) adalah untukmu, sedang kamu menginginkan yang tidak mempunyai kekekuatan senjatalah yang untukmu, padahal Allah menghendaki untuk membenarkan yang benar dengan ayat-ayatNya dan memusnahkan orang-orang kafir seluruhnya. (al-Anfaal:7). Tujuan Imam Bukhari mengemukakan ayat ini juga untuk menyatakan ia juga berkaitan dengan perang Badar. Perkataan الشوكة di dalamnya ditafsirkan dengan الحد yang bererti kekuatan. Tafsiran ini sebenarnya berpunca daripada tafsiran Abu 'Ubaidah di dalam Majaaazul Qur'annya.

²³ Cara Ka'ab bin Malik mengecualikan dua peperangan yang tidak disertainya bersama Nabi s.a.w. menimbulkan kemusykilan kepada sesetengah orang. Kata mereka, kenapa beliau tidak berkata begini saja: لَمْ أَتَخَلَّفْ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي غَزْوَةٍ غَزَاهَا إِلَّا فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ وَغَزْوَةِ بَدْرٍ (Aku tidak pernah ketinggalan (tidak ikut serta) dalam mana-mana peperangan yang disertai Nabi s.a.w. selain peperangan Tabuk dan Badar). Bukankah beliau bermaksud mengecualikan kedua-duanya? Kenapakah Ka'ab mengecualikan perang Tabuk dengan katanya: إِلَّا فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ secara berasingan. Untuk mengecualikan perang Badar pula beliau berkata: غَيْرَ أَنِّي تَخَلَّفْتُ عَنْ غَزْوَةِ بَدْرٍ secara berasingan pula? Antara jawapan yang telah diberikan untuk menyelesaikan kemusykilan

peperangan Badar. Sebenarnya Rasulullah s.a.w. hanya mahukan rombongan dagang Quraisy, namun kehendak Allah ialah mereka bertemu dengan musuh tanpa dirancang.²⁴

itu ialah Ka'ab hendak membezakan keadaan tidak ikut serta dalam dua peperangan itu. Ia baginya tidak sama. Ia tidak sama kerana beberapa dua perkara berikut: (1) Orang-orang yang tidak ikut serta dalam perang Badar tidak tercela, kerana maksud Nabi s.a.w. pada asalnya bukanlah untuk keluar berperang. Malah maksud Baginda sebenarnya ialah menyerbu rombongan dagang Quraisy. (2) Berbeza dengan orang-orang yang tidak ikut serta dalam perang Tabuk. Mereka tercela kerana mereka memang dikehendaki keluar berperang dan tidak dibenarkan ketinggalan. Inilah yang dinyatakan oleh Ka'ab dalam keterangan beliau seterusnya.

²⁴ Hadits ini dianggap dalil paling kuat oleh orang-orang yang berpendapat Nabi s.a.w. sesungguhnya tidak keluar ke Badar untuk berperang. Tetapi sebaliknya untuk menyerbu pasukan dagang Quraisy. Keterangan Ka'ab bin Malik jelas menunjukkan begitu, kata mereka. Beliau dicela bila tidak ikut serta dalam perang Tabuk. Sebabnya ialah kerana Rasulullah keluar dengan niat untuk menghadapi tentera yang amat besar jumlahnya. Selain orang-orang yang uzur tidak dibenarkan siapa pun tidak ikut serta dalam peperangan itu. Berbeza dengan perang Badar. Ka'ab juga tidak ikut serta dalam peperangan Badar, namun beliau tidak pernah dicela kerananya. Alasannya ialah Rasulullah s.a.w. tidak keluar dengan niat untuk berperang. Apa yang dikehendaki Baginda s.a.w. hanyalah merampas harta benda yang dibawa oleh rombongan dagang orang-orang Quraisy dari Syam. Peperangan telah berlaku dalam peristiwa ini tanpa dirancang. Maulana Syibli Nu'maani sekali lagi membantah pendapat golongan yang berpendapat begitu di dalam bukunya Siratu an-Nabi. Kata beliau, keluarnya Nabi s.a.w. ke Badar adalah untuk mempertahankan diri daripada serangan musuh. Perang Badar oleh Baginda itu pada hakikatnya adalah bersifat defensif. Ia bukan jihad yang bersifat ofensif. Jauh sekali untuk dikatakan Baginda keluar untuk merampas barang-barang berharga yang dibawa oleh rombongan dagang Quraisy semata-mata. Penulis amat bersetuju dengan pendapat Maulana Syibli itu, meskipun ia tidak disetujui oleh orang-orang tertentu. Maulana Syibli sebenarnya berpendapat, ketua-ketua kafir Quraisy sengaja mengada-ngadakan cerita, bahawa Muhammad dan pengikut-pengikutnya hendak menyerbu rombongan dagang Quraisy yang sedang dalam perjalanan pulang dari Syam. Semua itu diada-adakan mereka untuk memprovokasi penduduk Mekah supaya bangkit menyerang umat Islam di Madinah. Ia tidak lebih daripada alasan murahan mereka untuk menghancurkan negara Islam yang baru mula bertunas. Nabi s.a.w. pula kadang-kadang tidak menjelaskan maksud sebenar Baginda keluar ke sesuatu tempat, sama ada untuk maksud berperang atau untuk maksud-maksud yang lain. Lihat saja cara keluar Rasulullah s.a.w. pada tahun pembukaan Mekah. Tidak semua orang sedar, Rasulullah s.a.w. sesungguhnya sedang menuju ke Mekah dengan tujuan mena'luknya. Baginda s.a.w. selalu juga menggunakan bahasa-bahasa sindiran dan kiasan dalam sesuatu operasi perang yang dilancarkan. Apa yang disebut oleh Ka'ab di dalam hadits di atas tidak lebih daripada menyatakan apa yang difahaminya semata-mata. Ia tidak harus dijadikan landasan untuk memahami maksud sebenar Rasulullah s.a.w. Apalagi kalau dilihat kepada ayat pertama jihad yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w.

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَتِّلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ﴿٢٤﴾

٤- باب قول الله تعالى

4 - Bab : Firman Allah Ta'ala.²⁵

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمِدُّكُمْ بِالْفِئَةِ مِنَ الَّامَلِيكِ مُرْدِفِينَ ﴿٩﴾ وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ وَلِتَطْمَئِنَّ بِهِ قُلُوبُكُمْ وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾ إِذْ يُغَشِّيكُمُ النُّعَاسُ أَمَنَةً مِنْهُ وَيُنَزِّلُ عَلَيْكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لِيُطَهِّرَكُمْ بِهِ وَيُذْهِبَ عَنْكُمْ رِجْزَ الشَّيْطَانِ وَلِيَرْبِطَ عَلَىٰ قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ الْأَقْدَامَ ﴿١١﴾ إِذْ يُوحِي رَبُّكَ إِلَى الَّامَلِيكِ أَنِّي مَعَكُمْ فَثَبَّتُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا سَالِقِي فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّعْبَ فَأَصْرَبُوا فَوْقَ الْأَعْنَاقِ وَأَصْرَبُوا مِنْهُمْ كُلٌّ بِنَانٍ ﴿١٢﴾ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ شَاقُّوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَمَنْ يُشَاقِقِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١٣﴾

Bermaksud: Diizinkan (berperang) kepada orang-orang yang diperangi, karena sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah amat berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan). (al-Haj:39). Ia menurut para 'ulama' bersifat defensif. Dan ia buat pertama kalinya dipraktikkan dalam perang Badar. Hakikat ini jelas daripada lafaz-lafaz ayat itu sendiri. Hadits `Umar yang penulis kemukakan sebelum ini juga seharusnya dijadikan bukti tentang Rasulullah telah pun mengetahui bahawa besok akan berlaku perang dengan orang-orang kafir Mekah di Badar. Kalau tidak, apakah ertinya Baginda s.a.w. menceritakan, di sini tempat si anu tersungkur (terbunuh) dan di sini pula tempat si fulan tersungkur (terbunuh). Ini semua menunjukkan Rasulullah s.a.w. telah pun diberitahu oleh Allah bahawa perang akan berlaku di Badar. Soal kenapakah Rasulullah tidak mengerahkan semua orang Islam supaya pergi ke Badar untuk berperang, itu adalah untuk membuktikan beberapa perkara berikut: (1) Pertolongan Allah terhadap orang-orang Islam dengan menurunkan sekian-sekian banyak malaikat yang turut serta dalam peperangan itu, seperti dinyatakan di dalam ayat-ayat yang dikemukakan oleh Bukhari di atas. Dalam keadaan sudah ada sekian banyak malaikat yang menolong, tentu sekali tidak lagi memerlukan penyertaan umat Islam dalam jumlah terlalu ramai. (2) Mengisytarkan kepada orang-orang Islam yang benar-benar terpilih. Mereka antaranya ialah yang telah ikut serta dalam peperangan Badar. (3) Membuktikan kejujuran dan kesetiaan tidak berbelah bahagi orang-orang Anshar terhadap Nabi s.a.w. dan perjuangan Islam. Dan lain-lain lagi.

²⁵ Tujuan imam Bukhari mengemukakan ayat 9-13 dari Surah al-Anfaal di bawah tajuk bab ini ialah untuk menyatakan ayat-ayat itu juga berkenaan dengan perang Badar. Sebaik-baik rujukan dalam apa perkara sekalipun ialah al-Qur'an. Apabila sudah ada bukti-bukti dari al-Qur'an, itulah sepatutnya yang dijadikan sebagai sandaran dan pegangan utama.